

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) dengan ini mempelawa calon-calon warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan seperti berikut:

NAMA JAWATAN	GED	KEKOSONGAN	TARAF JAWATAN
PENSYARAH	GED DM45	3 ORANG	KONTRAK

JAWATAN 1

1. (a) Jawatan : PENSYARAH (DM 45)
(b) Jabatan : SEKOLAH PENDIDIKAN
KOLEJ PENGAJIAN ISLAM JOHOR (MARSAH)
(c) Kumpulan Perkhidmatan : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

2. Jadual Gaji

GED DM45		
GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM3,070.00	RM11,095.00	RM255.00

3. Syarat Lantikan :
 - i. Ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ATAU (Gaji permulaan ialah pada Gred N45: RM3,070.00); atau

 - ii. Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; DAN (Gaji permulaan ialah pada Gred N45: RM3,380.37); atau

- iii. Kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan ; DAN
- iv. Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan (keutamaan dalam bidang pendidikan/pendidikan islam/pendidikan awal kanak-kanak).
- v. Memiliki kecemerlangan akademik seperti berikut:
 - a) Satu (1) penulisan dalam jurnal yang diiktiraf @ dua (2) bab dalam buku @ sebuah buku ilmiah; dan
 - b) Telah membentangkan kertas kerja sekurang-kurangnya sekali (1) dalam persidangan atau dalam penulisan pengkhususan; dan
 - c) Segala penyelidikan, penulisan dan pembentangan semasa pengajian siswazah akan diambil kira.

ATAU

- vi. Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; DAN
- vii. Keutamaan diberikan kepada mereka yang fasih Berbahasa Arab & Bahasa Inggeris

4. Deskripsi Tugas :

Bertanggungjawab memberi syarahan, menyelia projek tesis dan mengurus kerja-kerja amali/tutorial/menyediakan nota-nota kuliah/ manual makmal, menyemak/menyediakan kurikulum/silibus, melibatkan diri dalam kerja-kerja penyelidikan dan menjalankan usaha-usaha pembangunan pelajar.

SYARAT UMUM PERMOHONAN:

1. Taraf Jawatan
 - Jawatan bertaraf **KONTRAK**
2. Kewarganegaraan dan Umur
 - Calon-calon hendaklah warganegara Malaysia dan berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi umur 50 tahun pada tarikh tutup permohonan.
 - Bagi calon yang melebihi umur 50 tahun pada tarikh tutup jawatan tetapi menepati syarat lantikan boleh dipertimbangkan oleh pihak berkuasa melantik/pengurusan berdasarkan kepada pengalaman terdahulu di IPTA/S atau yang setaraf dengannya.
3. Dokumen yang diperlukan
 - Salinan sijil akademik (sijil/diploma/ijazah) dan sijil-sijil berkaitan yang telah disahkan oleh pegawai GRED A

4. Cara-cara memohon

- i. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Kosong Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) (*sila muat turun di dalam laman sesawang www.marsah.edu.my*)
- ii. Semua maklumat yang diisi dalam borang hendaklah ditulis dengan benar, tepat, lengkap, jelas dan terang dalam HURUF BESAR
- iii. Sila hantarkan **permohonan** ke alamat seperti berikut:

**BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA
KOLEJ PENGAJIAN ISLAM JOHOR (MARSAH)
JALAN HEMAN, KG. AMAN, LARKIN JAYA
80350 JOHOR BAHRU
JOHOR DARUL TA'ZIM**

- iv. Sila tuliskan nama jawatan yang dipohon di penjurusan sebelah kiri sampul surat anda.

5. Catatan Am

- i. Permohonan yang berikut akan **DITOLAK** :
 - (a) Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup
 - (b) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan
 - (c) Tidak menggunakan borang yang telah ditetapkan
 - (d) Tidak Lengkap atau tidak terang
 - (e) Tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan
 - (f) Tidak ditandatangani.
- ii. Perokok adalah **TIDAK DIGALAKKAN** memohon.
- iii. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- iv. Segala urusan dan perbelanjaan temuduga ini adalah di bawah tanggungan pemohon sendiri.
- v. Permohonan yang tidak menerima jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas iklan jawatan ditutup dianggap tidak berjaya.

6. Tarikh tutup permohonan

- **16 JUN 2022 (Khamis)**